

18 SEP 1999

Mahathir-Gunung

DR MAHATHIR LANCAR TROFI LARIAN GUNUNG SEDUNIA

KUNDASANG, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Trofi Larian Gunung Sedunia Ke-15 yang akan diadakan di sini esok yang disertai para pelari gunung terbaik dunia.

Perdana Menteri yang tiba di daerah ini pagi ini dengan sebuah helikopter dari ibu negeri Kota Kinabalu, berkata perlumbaan itu amat bermakna bagi Malaysia bukan hanya untuk mempromosi negara ke luar negeri tetapi juga membolehkan para pengunjung melihat sendiri negara ini dan rakyatnya.

"Saya mahu menegaskan bahawa Persatuan Larian Gunung Sedunia (WMRA) telah membantu dengan memilih Malaysia bagi acara ini. Untuk itu kami telah menyediakan gunung untuk anda," katanya semasa melancarkan acara itu di Dewan Serbaguna Taman Kinabalu.

Kelihatan dari jauh ialah Gunung Kinabalu yang hebat itu, gunung tertinggi di Asia Tenggara, berkilauan di bawah sinar cahaya matahari dalam keadaan cuaca pagi yang cerah di sini.

Secara bergurau, Dr Mahathir menceritakan kepada para peserta dan hadirin, yang beliau tidak faham bagaimana orang boleh mendaki gunung sedangkan baginya untuk memanjat tangga di rumahnya sendiri sudah terlalu sukar, kata-kata yang menyebabkan mereka yang hadir ketawa.

Dalam mood ceria, Dr Mahathir turut bercakap mengenai "perlumbaannya" dalam kareer panjang politik beliau bertanding buat pertama kali pada 1964 dan sejak itu beliau sentiasa dikejar oleh parti-parti pembangkang.

"Jadi dari sudut politik saya boleh faham bagaimana sukarnya untuk berlari mendaki gunung," dan sekali lagi hadirin ketawa.

Katanya walaupun beliau belum pernah menjejakkan kaki di puncak Gunung Kinabalu setinggi 4,095.2 meter itu, tetapi jika beliau sampai juga, ia mungkin dengan helikopter.

Sambil mengucapkan semoga berjaya kepada para peserta, Dr Mahathir turut berharap mereka akan seronok tinggal di sini dan akan kembali ke negara asal masing-masing dengan kenangan manis mengenai negeri ini dan negara.

"Saya berharap anda akan pulang dan memberitahu rakan-rakan mengenai pengalaman menarik di sini...tujuan kami ialah membawa masuk lebih ramai pelancong dan tentunya jika lebih ramai, bermakna lebih banyak wang masuk ke negara ini," katanya.

Larian itu, yang diadakan buat pertama kali di Malaysia dan Asia, akan dilepaskan esok di laluan berbukit di kawasan Taman Kinabalu di sini.

Ia mengandungi empat kategori -- lelaki yang meliputi jarak 12.5km, wanita (7.8km), lelaki junior (7.8km) dan wanita junior (4.1km).

Malaysia, melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah (STPC) memenangi tawaran pada 1997 di Republik Czech selepas dua kali mencuba pada 1995 dan 1996, masing-masing di Scotland dan Austria.

Kira-kira 300 peserta dari 33 negara mengambil bahagian dalam acara itu.

Sementara itu, Presiden WMRA Danny Hughes mengucapkan penghargaan dengan kehadiran Dr Mahathir pada majlis itu dengan berkata ia merupakan satu penghormatan kepada acara berkenaan.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada para penganjur yang mengaturkan perjalanan para peserta dari negara asal masing-masing ke sini kerana jika tidak, mereka akan berbelanja banyak terutama dari segi pengangkutan dan tempat tinggal.

Hughes kemudian menghadiahkan pingat emas pertama acara itu kepada Perdana Menteri sebagai tanda penghargaan.

Majlis hari ini diikuti dengan perbarisan negara-negara yang diketuai tuan rumah tahun lepas, Perancis diikuti upacara angka sumpah, yang pertama sumpah para atlit oleh kapten pasukan Malaysia M. Ramachandran yang memenangi pingat emas dalam acara kategori 5,000 meter dan 10,000 meter pada sukan SEA bulan lepas di Brunei Darussalam.

Satu lagi ialah sumpah para pegawai teknikal yang diketuai pengarah Balwant Sing Kler.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Presiden Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia Datuk Khalid Yunus, menteri-menteri kabinet Sabah dan para pegawai (STPC), penganjur acara itu.

Dr Mahathir kemudian ke Resort Golf Gunung Kinabalu , kira-kira 40 km dari sini untuk merasmikan satu lagi acara antarabangsa -- kejohanan jempunan luncur udara Cabaran Kinabalu `99.

-- BERNAMA

JS RON